

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : LOKAL

Kes demam denggi turun 7.1%, tiada kematian dilaporkan

Kuala Lumpur: Jumlah kes demam denggi pada Minggu Epidemiologi (ME) ke-46 tahun ini (ME46/22) dari 13 hingga 19 November turun sebanyak 122 kes atau 7.1 peratus kepada 1,593 berbanding 1,715 pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tiada kematian akibat komplikasi demam denggi

dilaporkan pada minggu berkenaan.

"Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 54,570 kes berbanding 23,057 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 31,513 kes (136.7 peratus)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kumulatif kematian akibat komplikasi denggi pula se-

banyak 37 kes berbanding 18 kematian bagi tempoh yang sama pada 2021.

Beliau berkata, jumlah lokaliti hotspot yang dilaporkan pada ME46/22 juga turun kepada 61 berbanding 68 pada minggu sebelumnya.

Dr Noor Hisham berkata, daripada jumlah itu, 32 lokaliti hotspot berada di Selangor, Sabah (19), Kuala Lumpur dan Putrajaya (la-

pan) dan masing-masing satu di Perak dan Sarawak.

Beliau berkata, kejadian banjir kilat diselang-seli cuaca panas berisiko meningkatkan tempat pembiakan nyamuk Aedes terutama di kawasan dengan bekas terbiar.

"Selain itu, pergerakan manusia dari satu tempat ke tempat lain juga berisiko menyebarkan virus denggi daripada pembawa demam

denggi tanpa gejala (*asimtomatik*) ke kawasan yang dilawati sehingga menyebabkan wabak di kawasan baharu," katanya.

Justeru, beliau menasihatkan masyarakat agar menjalankan aktiviti pembersihan seperti memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes, membunuh nyamuk dewasa di dalam rumah, mengelakkan gigitan nyamuk dan menggu-

nakan ubat pembunuh jentik-jentik.

Mengenai surveilans chikungunya, beliau berkata, empat kes direkodkan pada ME46/22 dengan dua kes dari Pulau Pinang dan masing-masing satu kes dari Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Negeri Sembilan, sementara jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 692 kes.

- Bernama